

- A. Prasarana Malaysia Berhad (“Prasarana”) adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan bagi melancarkan, melaksanakan dan mempercepatkan projek infrastruktur awam yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya merupakan pemilik aset dan pengendali perkhidmatan LRT Laluan Ampang, Laluan Sri Petaling, Laluan Kelana Jaya, KL Monorail, rangkaian bas dan juga pengendali Mass Rapid Transit (“MRT”) Jajaran Sungai Buloh-Kajang (“SBK”).
- B. Kerajaan Malaysia telah melantik Prasarana untuk membentuk dan menjadi sebahagian daripada RTS Operations Pte Ltd (**MAJIKAN**). RTS Operations Pte Ltd merupakan entiti yang ditubuhkan melalui usaha sama antara Prasarana Malaysia Berhad yang merupakan pemegang saham bagi Kerajaan Malaysia dan SMRT Corporation Ltd sebagai pemegang saham bagi Kerajaan Republik Singapura.
- C. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura telah bersetuju untuk bersama membangunkan Sistem Rapid Transit sepanjang 4.6 kilometer yang menghubungkan Johor Bahru dan Woodlands merentasi Selat Johor. Pembinaan ‘RTS Link’ bertujuan untuk menambahkan pengangkutan awam di antara Malaysia dan Republik Singapura.
- D. Prasarana telah dilantik oleh RTS Operations Pte Ltd sebagai wakilnya untuk melaksanakan dan menguruskan pelaksanaan tender ini sehingga serahan Tender. Semua penilaian akan dilakukan RTS Operations Pte Ltd dan tidak akan melibatkan Prasarana.

KENYATAAN TENDER

NO TENDER.: PRASARANA/GPD/RS(CS)/333/960/2020

TAJUK TENDER	KELAYAKAN TENDER	TARIKH & MASA PENJUALAN DOKUMEN TENDER	HARGA & BUTIRAN PEMBAYARAN BAGI DOKUMEN TENDER	TEMPAT SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER
“SYSTEM CONSULTANCY SERVICES FOR THE DESIGN, MANUFACTURE, DELIVERY, TESTING & COMMISSIONING, INTERFACING, WARRANTY AND OTHER RELATED WORKS OF RAPID TRANSIT SYSTEM (RTS) LINK ASSETS FOR RTS LINK BETWEEN MALAYSIA - SINGAPORE”	TENDER TERBUKA	21 Ogos 2020 (Jumaat) hingga 3 September 2020 (Khamis) dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang Pada waktu pejabat (kecuali Sabtu, Ahad & Cuti Umum) Dokumen Tender akan dikeluarkan melalui Portal SAP Ariba	RM3,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Sahaja) (tidak dipulangkan) <u>dalam bentuk</u> 'Bank Draft', 'Banker's Cheque' atau lain-lain bentuk yang dibenarkan <u>pembayaran kepada</u> Prasarana Malaysia Berhad	17 September 2020 (Khamis) sebelum 5.00 petang melalui Portal SAP Ariba

1. Tender adalah dipelawa kepada perunding-perunding berpengalaman yang berdaftar dengan Badan-badan yang relevan seperti di dalam jadual di bawah dan pendaftaran tersebut masih sah dan dibenarkan semasa Tender dijalankan:

Syarikat Diperbadankan di Malaysia	Syarikat Diperbadankan di Singapura
(a) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan nombor pendaftaran 465-XXXXXXX; (b) Berdaftar di bawah kod bidang 330000 atau lain-lain kod bidang yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia; dan (c) Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.	(a) <i>Accounting and Corporate Regulatory Authority - ACRA</i>

2. Petender yang berminat **WAJIB** menghadiri sesi Taklimat atas talian sepertimana yang dinyatakan dalam jadual di bawah dan mengemukakan (i) **Nama Syarikat**, (ii) **Pegawai Bertanggungjawab**, (iii) **Nombor Telefon** dan (iv) **Alamat Emel** untuk tujuan jemputan sesi Taklimat kepada Jabatan Perolehan Kumpulan Prasarana pada atau sebelum **17 Ogos 2020**.

Tarikh	Masa	Tempat/Medium
19 Ogos 2020 (Rabu)	10.00 pagi	Microsoft Team

3. Dokumen Tender akan dipamerkan atas talian dan mula dijual mulai tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Prasarana **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan pembelian Tender Dokumen sebelum dan/atau selepas dari tarikh yang tertera.
4. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada wakil Petender yang sah (*bona fide*) sahaja. Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil Petender **DIWAJIBKAN** membawa **surat pengesahan** sebagai wakil dari Petender beserta **SALINAN sijil asal yang sah (Certified True Copy)** (disahkan oleh Setiausaha Syarikat/Pegawai Kerajaan Kumpulan A) bagi **sijil-sijil seperti dalam jadual di atas** untuk mengesahkan kelayakan Perunding.
5. Mana-mana syarikat yang mempunyai kaitan dengan Petender sepertimana termaktub dalam definisi di Akta Syarikat Malaysia 1965 dan *Singapore's Companies Act (Cap. 50, 2006 Rev. Ed.)* tidak boleh mengemukakan tawaran Tender untuk perkhidmatan yang sama seperti yang ditawarkan oleh Petender bagi tujuan Tender yang dinyatakan di atas. Sebarang pelanggaran syarat ini boleh mengakibatkan tawaran Tender ditolak dan dibatalkan.
6. Petender adalah diperingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima.
7. Sebarang pertanyaan mengenai Tender di atas boleh diajukan kepada Jabatan Perolehan Kumpulan Prasarana di talian +603-7885 2600 sambungan 1547/1535 atau emel kepada kamarudin.mohdnoh@prasarana.com.my / lugman.hashim@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai iklan ini atau profil Kumpulan Prasarana boleh dilayari di laman web kami www.myrapid.com.my.